

**PERANAN ILMU BALĀGHAH DALAM KESUSASTERAAN ARAB
KLASIK: ANALISIS TERHADAP AL-JINĀS DALAM PUISI
MAQĀMĀT AI-ḤARĪRĪ**

***THE ROLE OF BALĀGHAH IN CLASSICAL ARABIC LITERATURE: A
STUDY ON AL-JINĀS IN MAQĀMĀT AL-ḤARĪRĪ'S POETRY***

Nik Muhamad Aidil Aiman Nik Adli

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Md Nor Abdullah*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: monab@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Nik Aidil, N. M. A. A. & Abdullah, M. D. (2026). Peranan Ilmu Balāghah Dalam Kesusasteraan Arab Klasik: Analisis Terhadap Al-Jinās Dalam Puisi Maqāmāt Ai-Ḥarīrī. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 90-102.

ABSTRAK

Ilmu balāghah adalah lambang kepada kesusasteraan Arab klasik yang mencerminkan kecanggihan linguistik serta kekayaan budaya bahasa Arab. Antara alat retorik utama dalam ilmu balāghah ialah *al-jinās* (paronomasia), yang berfungsi untuk memperindah lafaz serta memperkaya makna sesebuah karya sastera. Walaupun alat ini sangat menonjol dan banyak dijumpai dalam karya sastera Arab klasik, namun peranan khusus serta aplikasinya dalam puisi Maqāmāt al-Ḥarīrī, sebuah karya agung dalam prosa dan puisi Arab, masih kurang diterokai. Tambahan lagi, tanggapan sebahagian sarjana bahawa elemen *al-jinās* ini tidak berperanan melainkan untuk memperindah lafaz sahaja, telah menyebabkan peranannya dalam memperkaya makna teks diabaikan. Justeru, berdasarkan kerangka teori balāghah al-Hashimī dalam *Jawāhir al-Balāghah* dan 'Alī al-Jundī dalam *Fann al-Jinās*, kajian ini mengenal pasti bentuk-bentuk *al-jinās* yang terdapat dalam puisi Maqāmāt al-Ḥarīrī, di samping menganalisis peranannya dari sudut estetik serta semantik. Hasil kajian mendedahkan bahawa terdapat 14 tempat dalam puisi Maqāmāt al-Ḥarīrī yang berlaku *al-jinās*. Penggunaan *al-jinās* ini, di samping menyumbang kepada irama teks yang memukau, turut memperkaya kedalaman maknanya, menjadikan

pembaca tertarik dan terhibur dengan permainan kata pengarang. Oleh itu, kajian ini dapat menekankan kepentingan meneliti alat balāghah seperti *al-jinās* agar pembaca dapat menghargai kesenian serta kerumitan tradisi kesusasteraan Arab klasik.

Kata kunci: Balāghah; *al-jinās*; kesusasteraan Arab klasik; Maqāmāt al-Ḥarīrī; retorik

ABSTRACT

The science of balāghah (Arabic rhetoric) is a hallmark of classical Arabic literature, reflecting the linguistic sophistication and cultural richness of the Arabic language. Among the key elements in balāghah is al-jinās (paronomasia), which serves to enhance the eloquence of expression and enrich the meaning of literary works. Although this device is highly prominent and frequently encountered in classical Arabic literature, its specific role and application in the poetry of Maqāmāt al-Ḥarīrī a masterpiece of Arabic prose and poetry remain underexplored. Furthermore, the perception among some scholars that al-jinās serves only as a decorative device has led to its role in enriching the text's meaning being overlooked. Thus, based on the theoretical framework of Balāghah by al-Hāshimī in Jawāhir al-Balāghah and 'Ali al-Jundī in Fann al-Jinās, this study aims to identify the forms of al-jinās found in the poetry of Maqāmāt al-Ḥarīrī and analyze its aesthetic and semantic roles. The findings reveal that there are 14 instances of al-jinās in the poetry of Maqāmāt al-Ḥarīrī. These device, while contributing to the captivating rhythm of the text, also enhance its semantic depth, drawing readers in and entertaining them with the author's wordplay. Therefore, this study highlights the importance of examining rhetorical devices such as al-jinās to enable readers to appreciate the artistry and complexity of the classical Arabic literary tradition.

Keywords: Balāghah; *al-jinās*; Maqāmāt al-Ḥarīrī; classical Arabic literature; rhetoric

1.0 PENGENALAN

Seni retorik Arab, atau ilmu balāghah, telah berakar umbi dalam tradisi kesusasteraan Arab klasik sejak abad ke-2M lagi dan berterusan berkembang hingga abad ke-5M. Tempoh ini menandakan kemunculan ilmu retorik sebagai tindak balas kepada perdebatan mengenai aspek estetik ekspresi dan makna dalam kesusasteraan Arab, khususnya dalam konteks teks al-Qur'an (al-Mubassyir & Naf'an, 2024). Kesannya, ilmu balāghah dapat melampaui daripada menjadi sekadar hiasan, untuk berfungsi sebagai alat penting dalam menyampaikan makna mendalam, membangkitkan reaksi emosi, dan memastikan kejelasan ekspresi (Hasanah, 2021). Para sarjana seperti al-Qazwīnī (1971; 1884) dan al-Jurjānī (2005) banyak mendokumentasikan asas-asas teori ilmu Balāghah ini, dengan menekankan peranannya dalam meningkatkan daya tarikan estetik dan intelektual sesebuah teks. Legasi ilmu ini yang berterusan, jelas terlihat dalam penggunaannya yang meluas,

dari teks agama seperti al-Qur'an dan Hadis hingga kepada karya-karya sastra sama ada prosa atau puisi, yang ilmu Balāghah berfungsi untuk memperdalam pemahaman pembaca terhadap tradisi kesusasteraan Arab (Hammood & Khalid, 2019).

Antara karya agung yang melambangkan kecemerlangan linguistik kesusasteraan Arab ialah Maqāmāt al-Ḥarīrī, yang dikarang oleh Abū Muhammad al-Qāsim ibn 'Alī ibn 'Uthmān (1054-1122) atau lebih dikenali dengan al-Ḥarīrī, pada abad ke-11M atau ke-12M (al-Mujalli, 2020). Karya 50 episod ini menggabungkan kedua-dua bentuk gaya, prosa dan puisi, dalam penulisannya serta mempamerkan penguasaan bahasa Arab yang tiada tandingan melalui penggunaan metafora yang memukau, permainan kata yang rumit, dan alat retorik yang pelbagai. Dianggap secara meluas sebagai karya asas dalam warisan sastra Arab klasik, Maqāmāt al-Ḥarīrī telah dipuji kerana kedalaman makna dan inovasi artistiknya, yang menjadi bukti kemahiran linguistik dan kreativiti pengarangnya.

Satu daripada ciri retorik yang paling menarik dalam Maqāmāt al-Ḥarīrī ialah *al-jinās* atau paronomasia, merupakan satu bentuk permainan kata yang dicirikan oleh persamaan fonetik secara berpasangan dengan perbezaan semantik (Muhammad, 2022; Rashwan, 2020a). Sarjana balāghah Arab telah mencatatkan dwi fungsi *al-jinās*, iaitu; meningkatkan irama estetik teks sambil memperkayakan lapisan semantiknya secara serentak (al-Hāshimī, 1999). Dengan menyandingkan dua perkataan yang sama bunyi dengan makna yang berbeza, *al-jinās* mencipta suatu interaksi linguistik yang dapat memikat perhatian pembaca dan pendengar, seterusnya membuka ruang untuk mereka merungkai pelbagai konotasi yang tertanam dalam teks (al-Jundī, 1954).

Justeru, penulisan ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk *al-jinās* dalam puisi Maqāmāt al-Ḥarīrī, terutama dalam al-Maqāmah al-Rāziyyah dan menganalisis peranannya dari sudut estetik dan semantik. Dengan melihat Maqāmāt al-Ḥarīrī melalui lensa ilmu balāghah, penulisan ini menekankan bagaimana *al-jinās* menyumbang kepada kekayaan semantik dan daya tarikan estetik teks, meletakkannya sebagai satu daripada elemen penting dalam tradisi kesusasteraan Arab.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Ilmu balāghah merangkumi perbincangan terhadap pelbagai alat retorik dan unsur gaya bahasa yang meningkatkan keindahan estetik serta kekayaan makna teks. Kajian ini telah menyoroti perkembangan ilmu balāghah dan peranannya dalam konteks klasik dan moden. Fontana (2024) meneliti bagaimana legasi ilmu balāghah mempengaruhi kewartawanan sekular moden, terutamanya melalui penerbitan seperti majalah *al-Risālah*, yang menghubungkan warisan sastra klasik dengan wacana kontemporari. Fontana berpendapat balāghah bukan sekadar fenomena sejarah tetapi juga kerangka adaptif yang berterusan memperkaya penulisan Arab moden. Namun, analisisnya banyak bergantung pada persamaan gaya tanpa membincangkan sejauh mana teknik retorik ini ditafsir semula dalam konteks moden. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada elemen estetik balāghah dalam kewartawanan masih mengekalkan kedalaman makna seperti yang disampaikan secara tradisional atau telah dikurangkan kepada sekadar hiasan.

Selain itu, Naz (2019) meneroka evolusi ilmu balāghah dan *majāz* (bahasa kiasan) dalam seni retorik Arab, dengan memberi tumpuan kepada tahap perkembangan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuannya. Walaupun Naz menyediakan tinjauan sejarah yang menyeluruh, namun kajiannya lebih tertumpu pada kerangka struktur dan teori *majāz*. Tambahan lagi, ia kurang memberikan perhatian terperinci terhadap evolusi alat retorik secara individu seperti *al-jinās* dalam menyeimbangkan aspek estetik dan makna. Kekurangan ini adalah signifikan memandangkan sebahagian pengkritik berpendapat bahawa alat seperti *al-jinās* hanya berperanan memperindah bahasa tanpa menyumbang secara mendalam kepada makna semantik (Ramli et al., 2015; Uyubah, 2019). Penemuan Naz secara tidak langsung menonjolkan keperluan untuk penyelidikan lanjut mengenai bagaimana alat retorik tertentu memainkan peranan dalam menghubungkan di antara nilai estetik dengan semantik dalam Balāghah.

Seterusnya, ketegangan antara peranan estetik dan semantik alat retorik terutama *al-jinās*, merupakan tema yang sering dibincangkan dalam kritikan kesusasteraan Arab. Sebagai contoh, beberapa sarjana berpendapat bahawa *al-jinās* dengan kebergantungannya pada persamaan fonetik lebih mengutamakan nilai estetik daripada semantik, sekali gus merendahkan nilai retoriknya (Asifah & Suryaningsih, 2024; Sugaryamah & Komarudin, 2019). Walaupun pandangan ini terpakai dalam beberapa konteks tertentu, namun kritikan tersebut telah mengabaikan satu aspek di mana *al-jinās* dapat memperkayakan makna melalui konotasi yang tersirat dan halus. Perspektif ini seiring dengan Rashwan (Rashwan, 2020a; Rashwan, 2020b), yang meneroka aspek perbandingan Balāghah dalam retorik Arab dan Mesir kuno, menunjukkan bahawa *al-jinās* bukan sekadar hiasan tetapi juga berfungsi sebagai alat persuasif dan interpretatif dalam pelbagai konteks ayat. Penemuan Rashwan ini menekankan kepentingan untuk menilai semula kritikan tradisional terhadap *al-jinās* bagi menghargai sumbangannya yang multidimensi.

Justeru, walaupun kajian sedia ada seperti Alhabian (2024) dan Hassan et al. (2022) telah meneliti kekayaan linguistik dan aspek sastera dalam Maqāmāt al-Ḥarīrī, namun kajian ini sering memberi tumpuan kepada ciri-ciri retorik yang lebih umum tanpa mendalami peranan khusus *al-jinās*. Hal ini membuka peluang untuk meneroka bagaimana *al-jinās* menyumbang kepada keindahan estetik dan semantik dalam Maqāmāt, sekali gus mencabar tanggapan fungsi utamanya ialah hiasan semata-mata. Jurang dalam literatur ini menjadi asas kepada kajian ini, yang bertujuan mengetengahkan peranan *al-jinās* dalam meningkatkan makna dan ekspresi artistik.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini mengambil pendekatan reka bentuk penyelidikan kualitatif, dengan mengaplikasikan analisis kandungan, pengkaji dapat mengenalpasti serta menjelaskan peranan *al-jinās* dalam Maqāmāt al-Ḥarīrī. Pendekatan kualitatif amat sesuai untuk kajian ini bagi meneroka secara mendalam aspek linguistik dan retorik teks yang rumit (Mann et al., 1992; Rahman & Weda, 2019; Taboada & Mann, 2006; Thompson & Mann, 1987). Seterusnya, analisis ini dibina di atas dua teori ilmu Balāghah, iaitu: (a) al-Hāshimī (1999) yang dihuraikan dalam *Jawāhir al-*

Balāghah, yang menyediakan pemahaman asas tentang seni retorik Arab dan alat-alat gaya bahasa; dan (b) al-Jundī (1954) dalam *Fann al-Jinās*, yang merupakan kajian khusus terhadap al-Jinās dan aplikasinya dalam kesusasteraan Arab. Gabungan perspektif ini dapat memberikan kerangka kerja yang kukuh untuk memahami penggunaan al-Jinās dalam Maqāmāt al-Ḥarīrī. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada perbahasan *al-jinās al-lafzī* sahaja, iaitu: (a) *al-Jinās al-Tām* yang merupakan keserupaan pada dua kalimah pada empat aspek, iaitu: (1) *naw'* (jenis), (2) *'adad* (bilangan), (3) *shakal* (keadaan), (4) *tartīb* (urutan), tetapi dengan makna (al-Jarim & Amin, 2007; al-Jurnani, 1988; al-Mu'tazz, 1982); (b) *al-Jinās Ghayr al-Tām* yang merupakan keserupaan pada dua kalimah pada tiga aspek huruf sahaja dengan makna berbeza (al-Jundī, 1954; Hasan, 1996). Kemudian, kedua-dua bentuk *al-jinās* ini dipecahkan lagi kepada beberapa bahagian. Pengkategorian ini dapat menghasilkan analisis yang sistematik terhadap *al-jinās* dalam teks, menonjolkan sumbangan estetik dan retoriknya.

Tambahan lagi, teks korpus bagi kajian ini ialah Maqāmāt al-Ḥarīrī, khususnya al-Maqāmah al-Raziyyah yang merupakan Maqāmah ke-21 daripada 50. Pemilihan ini dilakukan kerana tema utama maqāmah ini ialah nasihat keagamaan, menjadikannya maqāmah yang unik yang menggabungkan pengajaran moral dengan keindahan seni bahasa. Seterusnya, penulisan ini menganalisis 28 bait puisi daripada al-Maqāmah al-Raziyyah untuk membolehkan analisis yang berfokus dan terperinci. Semua bait ini dianalisis untuk menggambarkan bagaimana *al-jinās* berperanan bukan sahaja sebagai alat hiasan tetapi juga sebagai cara memperkukuh kedalaman semantik dan keindahan estetik teks. Kesimpulannya, penulisan ini dijalankan berasaskan langkah-langkah sistematik berikut (Malterud, 2012):

1. Pengenalpastian: menentukan contoh-contoh al-Jinās dalam 28 bait puisi daripada al-Maqāmah al-Raziyyah.
2. Pengkategorian: mengklasifikasikan contoh-contoh yang telah dikenal pasti mengikut bentuk-bentuk *al-jinās* berdasarkan kerangka teori Balāghah oleh al-Hāshimī dan al-Jundī.
3. Analisis: menghuraikan peranan bagi setiap contoh *al-jinās* dalam teks dari sudut estetik, dan semantik berdasarkan.
4. Interpretasi: mentafsir penemuan dan menjelaskan peranan *al-jinās*.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati terdapat 14 tempat dalam puisi al-Maqāmah al-Rāziyyah yang berlaku *al-jinās*. Perinciannya ialah seperti berikut:

Bait #1 dan #2

لَعْمَرُكَ مَا تُغْنِي الْمَغَانِي وَلَا الْغِنَى ... إِذَا سَكَنَ الْمُثْرَى التَّرَى وَتَوَى بِهِ
فَجُدَّ فِي مَرَاضِي اللَّهِ بِالْمَالِ رَاضِيًا ... بِمَا تَقْتَنِي مِنْ أَجْرِهِ وَتَوَابِهِ

Demi hidupmu! Sia-sia segala istana dan harta; Apabila bersemadi si kaya, menetap di sana. Bermurah hatilah dengan hartamu dalam perkara yang diredhai Allah; Cukuplah dengan apa yang kamu miliki daripada ganjaran-Nya yang melimpah.

Pada dua bait ini, terdapat tiga bentuk *al-jinās*. Bentuk yang pertama ialah *al-jinās al-tām al-malfūf* yang berlaku pada dua kalimat yang sama tetapi satu daripadanya merupakan kalimat *mufrad* (tunggal), dan satu lagi *murakkab* (tersusun) daripada dua kalimat yang sempurna (al-Jundī, 1954; Hasan, 1996). Perkataan به ثوى pada bait #1 merupakan kalimat *murakkab* di antara ثوى yang bermaksud tinggal atau menetap, dan به yang merupakan *ḥarf jarr* (kata sendi) (al-Sharīshī, 2006, 2:110; 'Umar, 2008: 337). Sedangkan ثوابه pada bait #2 pula merupakan kalimat *mufrad* yang bermaksud ganjaran.

Bentuk yang kedua ialah *al-jinās al-nāqīs*, iaitu dua kalimat yang memiliki persamaan pada tiga aspek huruf, iaitu (a) jenis, (b) *shakal* dan (c) urutan, tetapi berbeza pada jumlah atau bilangan huruf (al-Jarim & Amin, 2007; al-Mu'tazz, 1982). Pada bait #1, terdapat dua perkataan yang memiliki persamaan, iaitu المثري yang bermaksud seorang yang kaya dan الثرى yang bermaksud tanah kubur. Tetapi terdapat pengguran huruf, iaitu *al-mīm* daripada المثري menjadi الثرى (al-Fairūzābādī, 2005: 1267; 'Umar, 2008, 1:314). Seterusnya, kedua-dua perkataan ini juga boleh dikategorikan di bawah *al-jinās al-muṭlaq*. Hal ini kerana *al-jinās al-muṭlaq* ialah dua kalimat yang kelihatan sama pada keseluruhan atau sebahagian hurufnya tetapi berasal daripada kata akar yang berbeza (al-Hāshimī, 1999: 399; al-Jundī, 1954: 123). Perkataan المثري berasal daripada ثراء dan الثرى pula berasal daripada ثرى dan kedua-duanya mempunyai makna yang berbeza.

Bentuk yang ketiga ialah *al-jinās al-ishtiqāq* atau *al-mushtaq*, iaitu dua kalimat yang mempunyai kata akar yang sama dari sudut jenis, turutan huruf dan makna *wad'ī* (kamus) (al-Mu'tazz, 1982; al-Qazwīnī, 1971). Pada bait #1, kedua-dua perkataan المغاني yang bermaksud rumah agam dan الغنى yang bermaksud kekayaan, berasal dari kata akar yang sama, iaitu غني (al-Azharī, 2004, 8:175). Penggunaan *al-jinās* dalam dua bait ini memperdalamkan makna maqāmah dengan meletakkan konsep kekayaan, kematian, dan ganjaran Ilahi secara bertentangan. Alat retorik ini menekankan sifat sementara harta benda material dan nilai abadi kemurahan hati rohani.

Bait #3 dan #4

وبادر به صرف الزمان فإنه ... بمخلبه الأشغى يغول ونايه
ولا تأمن الدهر الخؤون ومكره ... فكم خامل أحنى عليه ونايه

Bersegeralah melakukannya (perkara yang diredhai Allah) sebelum musibah kehidupan melanda; Kerana ia akan menerkam dengan cakar yang bengkok dan giginya.

Jangan percayakan dunia yang khianat dan dibenci; Berapa banyak yang hina dan mulia telah dibinasakan oleh tipu dayanya ini!

Pada dua bait ini, berlaku *al-jinās al-tām al-mumāthil* atau *al-mutamāthil*, iaitu keserupaan dua kalimah yang kedua-duanya berasal daripada jenis yang sama (al-Jurnani, 1988; al-Jundī, 1954). Perkataan نايه pada bait #3 bermaksud gigi taring yang berasal daripada نايوب adapun نايه pada bait #4 pula bermaksud yang mulia daripada نباهة. Kedua-dua perkataan ini merupakan *isim* (kata nama). Penggunaan *al-jinās* dalam bait ini memperkaya kedalaman semantik rangkap puisi dengan meletakkan 'taring' yang merosakkan (metafora untuk kesukaran hidup) berlawanan dengan 'kemuliaan' (melambangkan status sosial). Dualiti ini memperkukuh tema ketidakpastian hidup dan kepentingan kembali kepada Allah SWT untuk mendapatkan petunjuk dan keharmonian.

Bait #5 dan #6

وعاصي هوى النفس الذي ما أطاعه ... أخو ضلّةٍ إلا هوى من عقابيه
وحافظٌ على تقوى الإله وخوفه ... لتنجو مما يُتقى من عقابيه

Lawanlah hawa nafsu yang mana tidak menuruti, orang yang sesat melainkan ia jatuh dari tempatnya yang tinggi. Peliharalah ketakwaan dan rasa takut kepada Ilahi
Supaya kamu terlepas dari seksa-Nya yang patut digeruni.

Pada dua bait ini, terdapat dua bentuk *al-jinās*. Bentuk pertama ialah *al-jinās al-tām al-mumāthil* yang kedua-dua perkataan, عقابيه pada bait #5, yang bermaksud tempat tinggi, dan عقابيه pada bait #6, bermaksud azab seksa, merupakan *isim* (kata nama). Penggunaan *al-jinās* di sini menonjolkan dualiti antara ketinggian duniawi dan balasan Ilahi, dengan memberi amaran tentang akibat rohani dan fizikal akibat kegagalan moral.

Bentuk kedua ialah *al-jinās al-tām al-mustaufā* iaitu keserupaan dua kalimah tetapi berbeza jenis (al-Jundī, 1954; Hasan, 1996). Pada bait #5, perkataan هوى yang pertama merupakan *maṣdar* kepada هويّ yang bermaksud perkara yang disukai. Adapun هوى yang kedua pula merupakan *al-fi'l al-mādī* daripada هويّاً yang bermaksud jatuh daripada tempat tinggi ('Umar, 2008). Penggunaan *al-jinās* di sini mnggambarkan bahaya keinginan, menekankan sifatnya yang merosakkan dan memperkukuh pengajaran moral dalam *maqāmah*.

Bait #7 dan #8

ولا تله عن تذكّارِ ذنبكِ وابكِه ... بدمعٍ يُضاهي المزنَ حالَ مَصابيه
ومثّل لعينيكِ الحِمَامَ ووقّعه ... ورؤعةً ملقاهُ ومطعمَ صابيه

Janganlah lalai dalam mengingati dosamu, bahkan ratapilah ia
sepenuh hati, dengan air mata yang mengalir bak hujan yang tak henti-
henti; Bayangkanlah kematian di hadapan matamu, hentakannya;
Kengerian pertemuan, serta kepahitannya!

Pada dua bait ini, berlaku *al-jinās al-tām al-marfūq*, iaitu dua kalimah yang sama tetapi salah satunya merupakan kalimah *mufrad* (tunggal), dan satu lagi *murakkab* (tersusun) daripada *juz'* (bahagian) kalimah lain (al-Mu'tazz, 1982; Hasan, 1996). Perkataan *مصائبه* pada bait #7 merupakan kalimah *mufrad* yang bermaksud limpahan sedangkan perkataan *م صائبه* pada bait #8 pula merupakan kalimah *murakkab* di antara *al-mīm* yang merupakan sebahagian daripada perkataan *مطعم* dan *صائبه* yang bermaksud kepahitan ('Umar, 2008). Peralihan semantik antara *مصائبه* (aliran air mata) dan *م صائبه* (kepahitan kematian) menonjolkan hubungan antara taubat dan kematian. Dualiti ini menekankan mesej keagamaan dalam maqāmah: taubat yang tulus (dilambangkan oleh air mata) adalah penting untuk bersiap sedia menghadapi realiti pahit kematian dan akibatnya.

Bait #9 dan #10

وإنَّ فُصَارِي مَنَزِلِ الْحَيِّ حُفْرَةٌ ... سَيَنْزِلُهَا مُسْتَنْزِلًا عَنِ قِبَابِهِ

فَوَاهَا لَعْبِدٌ سَاءُهُ سَوْءٌ فَعَلِهِ ... وَأَبْدَى التَّلَافِي قَبْلَ إِغْلَاقِ بَابِهِ

Kerana tempat pengakhiran yang hidup hanyalah sebuah pusara; Ke
dalamnya ia akan turun, dijatuhkan dari menaranya. Maka Syabas!
Bagi hamba yang menderita akibat kesalahan sendiri, Lalu melakukan
perubahan pintu pengakhirannya ditutupi.

Pada dua bait ini, berlaku dua bentuk *al-jinās*. Bentuk pertama ialah *al-jinās al-tām al-marfūq* di mana perkataan *قِبَابِهِ* pada bait #9 merupakan kalimah *mufrad* yang bermaksud menara sedangkan perkataan *ق بابيه* pada bait #10 pula merupakan kalimah *murakkab* di antara *al-qāf* yang merupakan sebahagian daripada perkataan *إغلاق* yang bermaksud pintu ('Umar, 2008). Penggunaan *al-jinās* di sini menonjolkan peralihan dari keindahan sementara kehidupan (menara) kepada kepastian kematian (tertutupnya pintu), menyeru kepada renungan tentang kematian dan kepentingan segera bertaubat.

Bentuk kedua ialah *al-jinās al-ishtiqaq* yang pada bait #10, kedua-dua perkataan, *سَاءُهُ* yang bermaksud menyakiti dan *سَوْءٌ* yang bermaksud keburukan, berasal dari kata akar yang sama, iaitu *سَاءَ* ('Umar, 2008, 2:1127). Penggunaan *al-jinās* di sini berfungsi untuk menghubungkan penyesalan emosi dengan kesalahan, menekankan pengajaran moral tentang kepentingan mengenali dan memperbaiki kesilapan diri sebelum kehilangan peluang hidup.

Bait #12

يسدى ويلحم في المظالم والغبأ ... في وردها طوراً وطوراً مولغاً

Dia terlibat dalam penindasan dengan menyulam dan mengayam kekejaman,
Kadang melahap sendiri, kadang memerintah orang lain turut serta dalam kezaliman.

Pada bait #12 berlaku *al-jinās al-ishtiḳāq* yang kedua-dua perkataan, والغبأ yang bermaksud minum atau menjilat dan مولغاً yang bermaksud memberi minum, berasal dari kata akar yang sama iaitu وُلُوغًا (al-Sharīshī, 2006, 2:114; 'Umar, 2008, 3:2494). Penggunaan *al-jinās* pada bait ini menjelaskan hubungan antara penglibatan diri dalam kezaliman dan perbuatan mengarahkan orang lain melakukannya, memperkukuh pengajaran moral bahawa kedua-dua bentuk kesalahan adalah sama-sama tercela.

Bait #14 dan #15

يا ويحه لو كان يوقن أنه ... ما حاله إلا تحول لما طغى
أو لو تبين ما ندامه من صغا ... سمعاً إلى إفك الوشاة لما صغا

Oh kasihanilah ia! Sekiranya ia meyakini, Setiap keadaan pasti akan berubah, nescaya tidak ia melampaui. Atau sekiranya nyata baginya penyesalan orang yang condong,
Mendengar fitnah para pengadu, pasti ia tidak akan condong.

Pada bait ini berlaku *al-jinās al-muḍāri* atau *al-mushākalah*, iaitu dua kalimah yang berbeza pada satu huruf sahaja dan mempunyai *makhraj* yang sama (al-Hāshimī, 1999: 397; al-Jundī, 1954: 132). Perkataan طغى pada bait #14 bermaksud melampaui batas dalam kezaliman atau kemungkaran (al-Sharīshī, 2006, 2:114; 'Umar, 2008, 2:1402). Adapun صغا pada bait #15 pula bermaksud kecenderungan ke arah sesuatu dan kedua-dua perkataan ini, walaupun terdapat perbezaan pada satu huruf, antara *al-tā'* dan *al-ṣā'*, tetapi *makhrajnya* sama, iaitu lidah (*al-lisān*) ('Umar, 2008, 2:1299). Penggunaan *al-jinās* pada bait ini berfungsi untuk menghubungkan dua kelemahan moral kezaliman (طغى) dan kecenderungan terhadap fitnah (صغا) dengan menekankan akibat buruknya serta keperluan untuk berwaspada dalam tindakan.

Bait #16

فانقد لمن أضحى الزمان بكفه ... وتغاض إن ألقى الرعاية أو لغا

Patuhlah kepada pemegang tali kehidupanmu;
Pejamkan mata daripada kelalain atau bicaranya yang merapu.

Pada bait #16 berlaku *al-jinās al-nāqīṣ* yang terdapat dua perkataan yang memiliki persamaan, iaitu *ألغى* yang bermaksud bermaksud meninggalkan, menggugurkan, mengosongkan atau lalai dan *لغا* yang bermaksud berkata suatu yang tidak berfaedah atau bercakap kosong ('Umar, 2008). Tetapi terdapat pengguran huruf, iaitu *al-hamzah* daripada *ألغى* menjadi *لغا*. Penggunaan *al-jinās* pada bait ini menyeru kepada ketaatan kepada pemimpin atau pihak yang memegang kawalan (pemegang tali kehidupanmu). Namun, pada masa yang sama, *al-jinās* juga menekankan kepentingan sikap toleransi (pejamkan mata) terhadap kelemahan manusia seperti kelalain (*ألغى*) atau percakapan kosong (*لغا*). Dualiti ini menyerlahkan keseimbangan antara kepatuhan dan toleransi dalam hubungan sosial dan moral.

Bait #24

ويؤاخذن بما اجتنبى ومن اجتنبى ... ويطالبن بما احتسى وبما ارتغى

Dihukum di atas dosanya sendiri, dan kejahatan kepada orang lain;
Dipertanggungjawabkan di atas setiap yang dihirup dan diteguk.

Pada bait #24 berlaku *al-jinās al-muṭlaq* yang perkataan *اجتنبى* yang pertama berasal daripada *جناية* yang bermaksud perbuatan jahat. Adapun *اجتنبى* yang kedua pula berasal daripada *جنبًا* yang bermaksud mengambil sesuatu tanpa haknya ('Umar, 2008). Tetapi dalam sebahagian naskhah Maqāmāt al-Harīrī, perkataan *اجتنبى* yang kedua ini, ditukarkan kepada *اجتنبى* yang merupakan *al-fi'l al-māḍī* kepada *اجتنبى*, *اجتنبى* dan *اجتنب* dengan maksud memilih atau menentukan. *al-Jinās* dalam keadaan ini dikategorikan sebagai *al-lāḥiq*, iaitu dua kalimah yang berbeza pada satu huruf dan *makhrajnya* (al-Jundī, 1954; Hasan, 1996). Hal ini kerana, *makhraj* bagi *al-jīm* pada *اجتنبى* ialah *al-lisān* adapun *al-bā'* pada *اجتنبى* pula ialah *al-shafatayn*. Penggunaan *al-jinās al-muṭlaq* pada bait ini menekankan tanggungjawab menyeluruh terhadap kesalahan peribadi dan kesalahan antara individu, sekali gus memperkukuh mesej moral dalam *maqāmah*. *al-jinās al-lāḥiq* (jika berkenaan) pula dapat menonjolkan perbezaan antara kesalahan manusia dan ketentuan Ilahi, menawarkan renungan yang lebih mendalam tentang keseimbangan antara keadilan dan kerahmatan dalam hukuman Ilahi.

5.0 KESIMPULAN

Kajian terhadap seni retorik dalam kesusasteraan Arab klasik membuka pintu kepada kehalusan seni dan ketinggian intelektual tradisi tersebut. Antara alat retorik yang paling menonjol ialah *al-jinās* kerana, alat ini menggabungkan keindahan fonetik dengan makna, memperkayakan teks dari segi estetik dan semantik. Hasil kajian mendedahkan *al-jinās* bukan sekadar alat retorik hiasan, bahkan memainkan peranan penting dalam memperkaya makna teks serta meningkatkan daya tarikan seninya. Setiap bentuk *al-jinās* mempunyai peranan tersendiri dalam memperkukuh

tema puisi, keharmonian fonetik, dan kekuatan struktur ayat. Seterusnya, penyelidikan masa depan boleh memperluas kajian ini dengan meneliti maqāmāt lain atau meluaskan analisis kepada kesusasteraan Arab kontemporari untuk meneroka bagaimana *al-jinās* terus berkembang dan menyesuaikan diri dalam konteks moden. Selain itu, kajian perbandingan boleh menyelidiki persamaan antara *al-jinās* dan alat retorik dalam tradisi kesusasteraan lain, sekali gus memperkayakan bidang retorik dan puisi Arab. Dengan mengaitkan di antara estetika dan semantik, *al-jinās* dalam Maqāmāt al-Ḥarīrī kekal sebagai bukti kepada keunggulan kesusasteraan Arab klasik.

Sumbangan Pengarang

Nik Aidil, N. M. A. A. dan Abdullah, M. D., Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Alhabian, R. (2024). Multilingual worlds in al-Ḥarīrī's monolingual Maqāmāt: A study of al-Maqāma ar-Raqṭā' (the spotted). *Postmedieval: A Journal of Medieval Cultural Studies*, 15(3), 687-713.
- Asifah, A. & Suryaningsih, I. (2024). Keragaman jinas dalam *Syair Kitab Ta'lim al-Muta'allim* karya Imam Zarnuji. *Tsaqofiya: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab*, 6(1), 129-142.
- al-Azharī, Muḥammad ibn Aḥmad. (2004). *Tahdhīb al-Lughah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Fairūzābādī, Abū Ṭāhir Muḥammad ibn Ya'qūb. (2005). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- Fontana, C. (2024). al-Balāghah's legacy in modern secular journalism: al-Risālah's (1933-1953) case. *Journal of Arabic Literature*, 55(4), 488-525.
- Hammood, S. M. & Khalid, R. W. (2019). Emotional metaphors in the glorious Quran with reference to their realizations in English. *Journal of University of Human Development*, 5(3), 182-189.
- Hasan, 'Abd Rahman. (1996). *al-Balāghah al-'Arabīyah Asasuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūmuhā*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Hasanah, U. (2021). Rhetoric in Islamic tradition: Paradigm and its development. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 15(2), 241-252.
- al-Hāshimī, Aḥmad ibn Ibrahīm. (1999). *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'*. Bayrūt: al-Maktabah al-'Asriyyah.

- Hassan, A. K., Abbad, M. A. & Mohamed, Y. K. (2022). al-Mughni's explanation of Maqamat al-Hariri: The eleventh maqama as a model. *Journal of Tikrit University for the Humanities*, 29(3), 13-30.
- al-Jarim, 'Ali & Amin, Mustafa. (2007). *al-Balāghah al-Wāḍiḥah*. Bayrut: Dar al-Ma'arif.
- al-Jundī, 'Alī (1954). *Fann al-Jinās: Balaghah wa Adab wa Naqd*. Bayrūt: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir ibn 'Abd al-Rahman. (1988). *Asrār al-Balāghah*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir ibn 'Abd al-Rahman. (2005). *Dalā'il al-I'jaz fi 'Ilm al-Ma'ani*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Khan Sardaraz, M. & Naz, R. (2019). Evolution of Balāghah and Majāz in Arabic rhetoric and the need for its innovation. *Bannu University Research Journal in Islamic Studies*, 6(2). 28-44.
- Malterud, K. (2012). Systematic text condensation: A strategy for qualitative analysis. *Scandinavian Journal of Public Health*, 40(8), 795-805.
- Mamoori, M. J. M. (2022). A linguistic study of paronomasia (al-Jinās) in Arabic and English. *Nasaq Journal*, 33(1), 19-49.
- Mann, W. C., Matthiessen, C. & Thompson, S. A. (1992). Rhetorical structure theory and text analysis. Dlm. Mann, W. C. & Thompson, S. A. (pnyt.). *Discourse Description: Diverse Linguistic Analyses of a Fund-Raising Text*, hlm. 39-78. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- al-Mu'tazz, A. (1982). *al-Badī'*. Bayrūt: Dar al-Maṣīrah.
- al-Mubassyr, M. & Naf'an, A. W. (2024). Dualism of words and meanings: The debate among i'jāz scholars and classical Arabic critics. *Journal of Arabic Language Studies and Teaching*, 4(1), 95-112.
- al-Mujalli, H. (2020). The function of poetry in the Maqamat al-Hariri. Tesis Doktor Falsafah. Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College.
- al-Qazwīnī, Muhammad ibn 'Abd al-Rahmān. (1884). *Talkhiṣ al-Miftah*. Bayrut: t.pt.
- al-Qazwīnī, Muhammad ibn 'Abd al-Rahmān. (1971). *al-Idāh fi 'Ulūm al-Balāghah*. Baghdād: Maktabah al-Muthannā.
- Rahman, F. & Weda, S. (2019). Linguistic deviation and the rhetoric figures in Shakespeare's selected plays. *Xlinguae: European Scientific Language Journal*, 12(1), 37-52.
- Ramli, M. F. M., Othman, M. S. & Hajimaming, P. (2015). Keserasian lafaz gaya bahasa jinas dalam Kitab *al-Hikam al-'Ata'iyah*: Kajian nilai estetika. *Issues in Language Studies*, 4(2), 1-14.
- Rashwan, H. (2020a). Arabic Jinās is not pun, Wortspiel, calembour, or paronomasia: A post-Eurocentric approach to the conceptual untranslatability of literary terms in Arabic and ancient Egyptian cultures. *Rhetorica: A Journal of the History of Rhetoric*, 38(4), 335-370.
- Rashwan, H. (2020b). Comparative Balāghah: Arabic and ancient Egyptian literary rhetoric through the lens of post-eurocentric poetics. Dlm. Lloyd, K. (pnyt.). *The Routledge Handbook of Comparative World Rhetorics: Studies in the*

- History, Application, and Teaching of Rhetoric Beyond Traditional Greco-Roman Contexts*, hlm. 386-403. New York: Routledge.
- al-Sharīshī, Ahmad ibn 'Abd al-Mu'min. (2006). *Sharḥ Maqāmāt al-Ḥarīrī al-Baṣrī*. Bayrūt: Maktabat al-Thaqāfiyyah.
- Sugaryamah, D. & Komarudin, E. (2019). The beauty of jinas in the book of *Mirqat al-Mahabbah*. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 16(1), 117-123.
- Taboada, M. & Mann, W. C. (2006). Applications of rhetorical structure theory. *Discourse Studies*, 8(4), 567-588.
- Thompson, S. A. & Mann, W. C. (1987). Rhetorical structure theory: A framework for the analysis of texts. *IPrA Papers in Pragmatics*, 1(1), 79-105.
- 'Umar, Aḥmad Mukhtār. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āsirah*. al-Qahirah: 'Alam al-Kutūb.
- Uyubah, H. M. R. M. (2019). Gaya bahasa jinās dalam al-Quran: Kajian terhadap ayat-ayat al-Quran juz 28 dan 29). *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab*, 5(5), 713-728.